

## **Komunikasi Berimplikatur: Fungsi dan Peranannya Dalam Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Teks Sejarah Melayu**

Mohd. Aris bin Anis<sup>1\*</sup> & Ahmad bin Esa<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Institut Pendidikan Guru, Kampus Temenggong Ibrahim  
80350 Johor Bahru, Johor.*

<sup>2</sup>*Universiti Tun Hussien Onn Malaysia  
86400, Batu Pahat, Johor*

*\*Emel : mohdarisanis@yahoo.com*

**Abstrak:** Banyak kajian telah dibuat berkaitan dengan seni berbahasa khususnya komunikasi. Walau bagaimanapun kajian mengenai komunikasi berimplikatur amat kurang dijalankan. Penggunaan komunikasi berimplikatur dalam masyarakat Melayu telah diamalkan sejak dahulu lagi seperti yang digambarkan dalam teks Sejarah Melayu. Kajian ini bertujuan untuk meninjau fungsi implikatur dalam komunikasi masyarakat Melayu. Kertas kerja ini akan melihat aspek komunikasi berimplikatur melalui analisis Teori Relevans dengan menggunakan teks Sejarah Melayu bagi mensahihkan pernyataan di atas. Komunikasi berimplikatur yang terdapat dalam teks tersebut akan dicungkil bagi memudahkan pemahaman dan mengetahui fungsi sebenar penggunaan komunikasi berimplikatur. Kaedah utama penyelidikan yang akan digunakan adalah kaedah analisis kandungan (content analysis method) di mana penyelidik akan menggunakan teks sejarah Melayu sebagai bahan kajian

### **1. Pengenalan**

Ilmu komunikasi merupakan ilmu kemasyarakatan yang secara sistematik mempelajari segala sudut hubungan antara manusia. Hubungan antara manusia merupakan objek utama pengajian komunikasi yang merangkumi banyak aspek antaranya media, manusia, pengaruh, teknik dan kaedah, fungsi dan sistem (Zawiyah Mohammad Yusof : 2009)

Dalam realiti kehidupan, komunikasi merupakan aspek yang penting dan sering diberikan tumpuan. Tumpuan banyak diberikan kepada aspek tersebut kerana pengkaji-pengkaji-pengkaji terdahulu mendapati bahawa komunikasi yang lemah merupakan punca kepada kebanyakan masalah berlaku dan komunikasi yang efektif adalah penyelesaian kepada kebanyakan masalah (Pearson & Nelson, 2000).

Menurut Fisher (1996) dalam Zawiyah Mohammad Yusof ( 2009) ilmu komunikasi mencakupi bidang yang luas dan bersifat rentas disiplin. Hal ini terbukti melalui tokoh-tokoh yang terlibat dalam bidang ini datang dari pelbagai latar belakang. Antaranya, Harold J. Lasswell, ( Sains Politik), Max Weber, Daniel Larner, dan Everatt M. Rogers ( Sosiologi), Carl I. Hoveland dan Paul Lazarfeld ( Psikologi), Wilbur Schramm (Bahasa) Shannon dan Weaver( Matematik dan Teknik ). Kajian tentang komunikasi semakin menjadi tumpuan ahli-ahli bahasa sejak akhir-akhir ini. Para

Pengkaji telah menggunakan pelbagai teori dan pendapat berdasarkan bidang kajian masing-masing.

Dapatan kajian pengkaji-pengkaji terdahulu telah membuktikan bahawa aspek komunikasi merupakan aspek yang luas dan masih banyak bidang perlu dikaji. Berkomunikasi merupakan suatu keperluan individu setiap hari yang bertujuan sama ada melahirkan pendapat, perasaan, berkongsi atau bertukar-tukar idea, maklumat dan perasaan dengan orang lain melalui proses yang berlangsung dengan baik ( Abdul Mua'ti: 2005)

Komunikasi melibatkan proses interaksi dan transaksi ( Mohammad Yusof : 2007). Kedua-dua proses ini berlaku serentak. Interaksi adalah komunikasi pertukaran yang kesantunan bahasanya, adakalanya perkara yang disampaikan tidak seperti yang diucapkan. Thomas (1995) mengatakan manusia tidak selalunya atau biasanya bercakap apa-apa yang cuba dimaksudkan. Penutur pada kebiasaannya cuba menyampaikan sesuatu melebihi maksud perkataan yang diujarkan. Secara mudahnya dapat dikatakan bahawa ujaran yang dilahirkan itu tidak semestinya mengandungi maksud seperti yang diucapkan. Hal ini memerlukan minda memproses ujaran tersebut untuk mendapatkan makna yang tepat. Proses menentukan makna ujaran ini bukanlah suatu perkara yang mudah kerana proses ini melibatkan proses minda yang kompleks (Akmajian: 2010). Sekiranya penerima tersalah tafsir makna mesej tersebut maka komunikasi akan gagal.

Komunikasi ini menjadi mudah jika ujaran yang diluahkan oleh penghantar mesej tidak mempunyai makna yang tersirat. Dalam masyarakat Melayu yang terkenal dalam kesantunan bahasanya, adakalanya perkara yang disampaikan tidak seperti yang diucapkan. Thomas (1995) mengatakan manusia tidak selalunya atau biasanya bercakap apa-apa yang cuba dimaksudkan. Penutur pada kebiasaannya cuba menyampaikan sesuatu melebihi maksud perkataan yang diujarkan. Secara mudahnya dapat dikatakan bahawa ujaran yang dilahirkan itu tidak semestinya mengandungi maksud seperti yang diucapkan. Hal ini memerlukan minda memproses ujaran tersebut untuk mendapatkan makna yang tepat. Proses menentukan makna ujaran ini bukanlah suatu perkara yang mudah kerana proses ini melibatkan proses minda yang kompleks (Akmajian: 2010). Sekiranya penerima tersalah tafsir makna mesej tersebut maka komunikasi akan gagal.

Sehubungan itu, pendengar terpaksa membuat tafsiran yang mendalam terhadap sesuatu ujaran yang didengarinya. Semasa membuat tafsiran makna, aspek-aspek yang lain seperti konteks (termasuk sosial dan budaya) dan niat penutur tidak harus diketepikan. Dalam hal ini, penentuan makna yang diujarkan oleh penutur bergantung kepada penggunaannya mengikut konteks kerana konteks wujud dalam pelbagai kemungkinan pengertian menurut setiap perspektifnya ( Hussin 2009)

Untuk mengkaji makna sesuatu komunikasi ( ujaran) lisan itu, bidang pragmatik merupakan bidang yang sangat sesuai. Konsep implikatur dan eksplikatur yang disepadukan dalam Teori Relevans ( Sperber & Wilson, 2002) akan digunakan bagi mendapatkan makna abstrak, taksa dan eliptik. Bidang pragmatik sering dimaksudkan sebagai kajian tentang penggunaan bahasa dan berbeza dengan kajian tentang bahasa, yang lebih menumpukan kepada huraiian bahasa daripada segi strukturnya. Bidang ini semakin mendalam dikaji setelah Grice ( dalam Leech: 1993) menemui satu konsep baru iaitu implikatur.

Menurut Nor Hashimah (1992), implikatur dalam erti kata yang mudah ialah mesej yang tersirat yang disampaikan oleh penutur dalam perbualan. Mesej yang diperoleh merupakan apa-apa yang dideduksikan daripada apa-apa yang diperkatakan. Implikatur merupakan satu aspek penting dalam bidang pragmatik, iaitu bidang yang mengkaji hubungan bahasa dengan konteks. Carston, dalam Mustafa (2010) menyatakan implikatur ialah mengenai mesej yang tersirat yang cuba disampaikan dengan ujaran yang tersurat. Implikatur melibatkan apa-apa yang diujarkan secara eksplisit dan juga

apa-apa yang dilahirkan secara implisit ( Norhashimah Jalaluddin, 2006). Ronald R Jacobsen( 2010) menyatakan sesuatu ujaran itu tidak hanya dilatari oleh satu maksud sahaja tetapi ada maksud lain yang terselindung di sebalik kata-kata yang digunakan dalam ujarannya

## 2. Latar Belakang Kajian

Implikatur dalam pertuturan ini sememangnya wujud dalam masyarakat Melayu. Noriah Taslim (2010) menyatakan bahawa masyarakat Melayu itu sebagai manusia yang berbudaya halus, bersopan santun, sangat mementingkan adab ketika berkomunikasi, enggan bersikap biadap dan menjadikan kiasan dan perumpamaan sebagai budaya. Hal ini dibuktikan melalui pelbagai bentuk ungkapan bahasa dalam pelbagai hikayat Melayu seperti yang dihuraikan oleh Noriah . Di samping itu, kesantunan Melayu merupakan kesantunan yang memancarkan nilai-nilai asas adat dan budaya Melayu yang berteraskan ajaran islam. Kesantunan mencakupi aspek bahasa ketika berkomunikasi. Penggunaan bahasa yang sopan dan berbudi bahasa sudah terdapat dalam dalam budaya Melayu sejak turun temurun dari satu generasi ke satu generasi yang lain sebagai warisan budaya yang sentiasa dipelihara. Ahmad Mahmood Musanif ( 2007) mengatakan dalam komunikasi antara penutur dan pendengar, budaya sopan santun sangat penting untuk memelihara hubungan antara dua pihak dan memelihara komunikasi tersebut agar dapat berterusan dalam keadaan yang selesa. Perkara ini terjadi kerana tradisi pemikiran Melayu menggunakan bahasa sebagai alat untuk membentuk makna kehidupan dan makna alamnya secara sangat kreatif dan produktif ( Ahmad Sarji: 2004)

Seterusnya Robert Sibarani M.S (2004), menegaskan bahawa dalam berkomunikasi, kesantunan berbahasa amat diperlukan kerana kesantunan berbahasa akan melancarkan penyampaian mesej dalam komunikasi. kesantunan bahasa tercermin dalam tatacara berkomunikasi dan dalam berkomunikasi, kita harus tunduk kepada norma-norma budaya. Tatacara berbahasa harus sesuai dengan norma-norma budaya yang hidup dalam masyarakat dan dipergunakannya suatu bahasa. Apabila tatacara berbahasa seseorang tidak sesuai dengan norma-norma budaya, maka seseorang itu dituduh tidak beradab atau tidak berbudaya.

Oleh yang demikian, dalam perbualan orang Melayu, mesej yang ingin disampaikan oleh penutur seakan-akan ditapis terlebih dahulu. percakapan yang tidak langsung ini dapat dilihat dari aspek sosiolinguistik dan juga pragmatik. Keadaan ini memerlukan pendengar menganalisis untuk mengetahui hajat sebenar penutur. Pendengar perlu menyaring, menganalisis , dan membongkar mesej yang cuba disampaikan oleh penutur. Jadi, terpulanglah kepada pendengar untuk memahami mesej-mesej tersirat ketika berlangsungnya proses komunikasi. Keupayaan pendengar memproses mesej yang diterima dalam sesuatu komunikasi membolehkan pendengar memahami implikatur yang terkandung dalam komunikasi. Secara saintifiknya, teori yang mementingkan pemrosesan maklumat dan mampu membantu pendengar memahami penggunaan implikatur dalam komunikasi ialah Teori Relevans.

Dalam masyarakat Melayu komunikasi berimplikatur bukan sahaja terdapat dalam pertuturan secara lisan malah terkandung dalam dialog yang dituliskan dalam buku atau teks klasik misalnya teks Sejarah Melayu. Oleh yang demikian kajian ini cuba meneliti fungsi yang selalu digambarkan bahawa masyarakat Melayu amat mengutamakan dan

memelihara kesopanan dan kesantunan ketika berkomunikasi (berimplikatur) dalam apa-apa jua situasi dan aspek kehidupan. Data tentang komunikasi berimplikatur ini diambil daripada Teks Sejarah Melayu.

### **3. Pernyataan Masalah**

Ujaran yang dituturkan oleh individu itu mengandungi maksud dan makna tertentu. Pentafsiran yang salah terhadap penggunaan ayat yang berbagai-bagai dalam bentuk perbualan dan penulisan memberi implikasi terhadap ketepatan maksud. ( Hashim Fauzy 2001). Hal ini disebabkan ketetapan maksud ujaran seseorang tidak dapat diukur menerusi ungkapan semata-mata kerana ada kalanya seseorang itu mempunyai maksud yang lain, bukan seperti yang diucapkan mengikut pemahaman pendengar pada ketika itu. Masyarakat Melayu sangat mengutamakan kesantunan dan kesopanan ketika berbahasa dan berkomunikasi. Sesuatu hajat dan keinginan disampaikan secara berselindung dan berlapis melalui ujaran yang dilafazkan. ( Awang Sariyan: 2007) . Dengan erti kata yang lain, apa-apa yang diungkapkan secara tersurat sebenarnya mempunyai makna yang tersirat (implikatur) yang melatarinya. Perkara ini bukan sahaja terdapat dalam pertuturan lisan malah terdapat dalam teks yang dikarang oleh pengarang-pengarang tersohor sejak zaman dahulu lagi contohnya teks Sejarah Melayu. Sejarah Melayu merupakan sebuah teks yang diiktiraf UNESCO sebagai karya agung warisan dunia (Ahmad Sarji: 2004). Oleh yang demikian wajarlah teks ini dikaji dan ditingkatkan lagi martabatnya agar terus berada ditempat yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, kajian mengenainya amat kurang dilakukan ( Taib Osman : 2006) khasnya dalam aspek komunikasi berimplikatur. Justeru, fenomena inilah yang menjuruskan pengkaji untuk meneliti unsur-unsur komunikasi berimplikatur yang terdapat dalam teks Sejarah Melayu dan seterusnya mengkaji fungsinya dalam masyarakat Melayu.

### **4. Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji komunikasi berimplikatur yang terdapat dalam teks Sejarah Melayu. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk

- (i). menganalisis penggunaan komunikasi berimplikatur dalam Teks Sejarah Melayu
- (ii). mengenalpasti fungsi komunikasi berimplikatur dalam teks Sejarah Melayu
- (iii). membincangkan sejauh mana komunikasi berimplikatur dapat menyampaikan mesej kepada pendengar

### **5. Skop Kajian**

Komunikasi merupakan aspek yang penting dalam kehidupan. Dalam komunikasi lisan, bahasa merupakan elemen yang utama. Pengkajian sesuatu bahasa mencakupi ruang lingkup yang sangat luas, iaitu meliputi segala aspek tentang bahasa tersebut. Namun demikian, kajian ini hanya memberi tumpuan terhadap komunikasi berimplikatur dari sudut pragmatik

Bahan yang menjadi sampel kajian ialah komunikasi berimplikatur yang terdapat dalam Sejarah Melayu yang diselenggara oleh W.G Shellabear. Pemilihan komunikasi berimplikatur ini berdasarkan kesesuaiannya untuk dianalisis menggunakan pendekatan pragmatik. Dalam mengkaji komunikasi berimplikatur ini, pengkaji akan menggunakan Teori Relevans sebagai landasan kajian. Teori ini mengetengahkan prinsip konteks, kesan konteks dan usaha memproses dalam usaha untuk mendapatkan makna sebenar komunikasi berimplikatur. Prinsip-prinsip ini digunakan bagi menganalisis komunikasi berimplikatur yang terdapat dalam teks tersebut secara mendalam. Hal ini kerana dengan menggunakan prinsip-prinsip tersebut, makna sebenar sesuatu ujaran akan diketahui. Pengetahuan tentang makna sebenar sesuatu ujaran akan membantu pembaca atau pengguna bahasa memahami dengan lebih mendalam terhadap bahan yang dibaca.

## 6. Metodologi Kajian

Kaedah utama penyelidikan yang akan digunakan adalah kaedah analisis kandungan (*content analysis method*) di mana penyelidik akan memilih teks Sejarah Melayu sebagai bahan kajian. Berasaskan kepada kaedah analisis kandungan, teks ini akan diteliti dan dicerakinkan segala isi utama yang dapat menggambarkan implikatur. Komunikasi berimplikatur yang telah dikenalpasti akan disusun dan dikategorikan mengikut fungsinya. Komunikasi berimplikatur ini kemudiannya akan dianalisis dengan menggunakan pendekatan yang bersesuaian. Untuk mendapatkan makna komunikasi tersebut, Teori Relevans yang menekankan konteks, kesan konteks, dan usaha memproses akan digunakan. Teori ini sesuai digunakan kerana huraiannya berasaskan kepada kerelevanan sesuatu ujaran itu bergantung pada konteks dan kesan konteks ataupun kognisi dan usaha pemprosesan maklumat antara penutur dengan pendengar. Mengikut Sperber dan Wilson dalam Mustafa (2010), sesuatu ujaran itu harus mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata (manifest) supaya andaian daripada ujaran yang dihasilkan itu mudah dikesan oleh pendengar, dan jika banyak bukti yang melatarinya, maka ujaran itu dianggap sebagai ujaran yang bermanifestasi.

Menurut Husin (2009) ujaran yang mempunyai makna tersirat dapat dikaji maknanya berdasarkan teori dan prinsip Teori Relevans. Makna yang dimaksudkan adalah berdasarkan makna penutur dan interpretasi pendengar. Untuk menganalisis makna sesuatu ujaran, pendekatan analisis makna secara menyeluruh akan diaplikasikan berdasarkan teori dan prinsip pragmatik. Daripada analisis makna ujaran tersebut, dapat diketahui makna serta niat sebenar penutur ketika menuturkan sesuatu ujaran.

## 7. Dapatan Kajian

Dalam masyarakat Melayu tradisional, komunikasi berimplikatur ini dilakukan untuk menggambarkan kesopanan apabila mengatakan sesuatu. Secara halusny jika dikaji sebenarnya terdapat fungsi-fungsi tertentu komunikasi berimplikatur itu digunakan. Dalam teks Sejarah Melayu antara fungsi ujaran yang berimplikatur adalah seperti yang dicatatkan

- a. Fungsi menunjukkan kehebatan dan kegagahan

Demikian kata Nabi Khidir “ *Ketahuilah olehmu , hai Raja Kinda Hindi, bahawa raja kami inilah yang diserahkan Allah taala kerajaan dunia ini kepadanya, dari masyrik lalu ke maghrib, dari daksina datang ke paksina.* ( W. G Shellabear,1994,hal 5)

Dalam petikan di atas penggunaan frasa dari masyrik ke maghrib, dari daksina ke paksina menunjukkan kawasan yang amat luas. Itulah yang cuba digambarkan oleh pengarang bahawa Raja Iskandar mempunyai kerajaan yang amat luas sehingga hampir seluruh dunia ditaklukinya. Jika ditinjau dari sudut makna dari masyrik hingga ke maghrib bermaksud dari timur hingga ke barat dan dari daksina datang ke paksina bermaksud dari selatan sampai ke utara. Hal ini menunjukkan bahawa Raja Iskandar seorang raja yang amat gagah dan tidak sepatutnya sesiapa pun melawannya.

Ujaran yang disebutkan oleh Nabi Allah Khidir dalam teks ini mempunyai makna yang tersirat iaitu selain menunjukkan kekuatan dan kegagahan Raja Iskandar, Raja Kinda Hindi mesti yakin bahawa Raja Iskandar mampu menjaga anaknya dengan baik setelah mengahwininya.

Apabila Raja Kindi Hindi mendengar beliau pun berkata” *Bahawa ketahuilah oleh TuanKu ya Nabi Allah, dan segala tuan-tuan yang ada hadir, bahawa hamba ini dengan sesungguhnya hamba kepada Raja Iskandar, dan anak hamba sekalianpun hamba juga ke bawah duli baginda itu, seperti sahaya yang mengerjakan dia seorang dua orang itu.*”

( hal:5)

Ayat yang diujarkan ini menunjukkan bahawa Raja Kinda Hindi mengiktiraf Raja

Iskandar sebagai raja dan dia berbangga sekiranya Raja Iskandar mahu mengambil anaknya sebagai isteri.

b. Berfungsi sebagai sindiran

Dalam masyarakat Melayu, sindiran digunakan agar tidak menyinggung perasaan orang yang mendengarnya. Sindiran boleh disampaikan secara halus dan tidak disedari oleh orang yang mendengar. Walau bagaimanapun, maksud sindiran boleh difahami sekiranya setiap perkataan diteliti dengan baik. Implikatur berbentuk sindiran banyak terdapat dalam teks sejarah Melayu. Antaranya dapat dapat dikesan dalam dialog antara Raja Suran dan Raja Aftabul Ard.

Maka Raja Aftabul Ard pun terlalu hairan mendengar kata Raja Suran itu. maka katanya “*Adakahdunia lain daripada dunia kami ini? maka Sahut Raja Suran” Bahawa Alam ini terlalu banyak, pelbagai jenis ada di dalamnya.*”( Hal. 13)

Dalam ayat di atas Raja Aftabul Ard cuba mendapatkan kepastian daripada Raja Suran tentang kewujudan alam lain, selain alam yang didiaminya. Raja Aftabul Ard yang memerintah alam di bawah laut hanya berada didalam alamnya sahaja. berbanding raja Suran yang suka menjelajah hinggalah sampai kedunia bawah laut dengan menggunakan kenderaan yang dicipta oleh menterinya. Daripada jawapan Raja Suran menunjukkan

bahawa raja Suran cuba menyampaikan mesej, seorang raja itu perlu mengembara dan menjelajah tempat lain untuk menambah ilmu pengetahuannya. Frasa "...bahawa alam ini terlalu banyak..." memberi gambaran bahawa seseorang pemerintah itu tidak boleh hanya berdiam diri dan berada di dalam istana sahaja, sebaliknya perlu keluar mencari sesuatu yang baharu.

c. Berfungsi menyatakan kekecewaan

Implikatur bukan saja boleh digunakan untuk sindiran tetapi juga boleh digunakan untuk menunjukkan kekecewaan. Seseorang yang kecewa akan berasa dirinya tidak dihargai dan sanggup menambalkan tindakan diluar dugaan. Implikatur yang menunjukkan kekecewaan dapat dilihat dalam ujaran Bicitram Syah yang kecewa kerana walaupun beliau anak yang tua, beliau diberi negeri yang kecil berbanding dengan adik-adiknya.

Maka oleh Raja Suran anaknya yang berna Paldu Tani itu dirajakanya di negeri Amdan negara, dan Nila Manam dirajakanya dinegeri Bija Negara akan menggantikan kerajaan baginda, maka Bicitram Syah dinegerikannya di negeri Candu kani.

Maka Kata Bicitram Syah" *Aku Tua, dirajakan di negeri kecil. Baiklah aku membuang diriku.*"( hal 15)

Kata-kata Bicitram Syah itu bermaksud sepatutnya orang yang tua perlu dihormati dan didahulukan atau diberi keutamaan. Namun perkara yang sebaliknya berlaku pada beliau. Pada pendapat beliau ayahandanya perlu memberikan negeri yang besar berbanding dengan adik-adiknya. Oleh sebab beliau tidak mahu melawan ayahandanya beliau mengambil keputusan untuk membuang dirinya.

## 8. Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan analisis komunikasi berimplikatur dalam teks Sejarah Melayu yang dilakukan dengan menggunakan Teori Relevans, jelas menunjukkan masyarakat Melayu berjaya menggunakan kata-kata yang berlapis untuk menyampaikan sesuatu hajat. Unsur-unsur perlambangan dan persekitaran dikaitkan dalam membina ujaran yang lembut tetapi mempunyai makna yang mendalam. Kebiasaan masyarakat Melayu mendengar kata-kata atau ujaran yang mempunyai implikatur memudahkan mereka memahami apa-apa yang cuba disampaikan oleh penutur. Keupayaan mengaitkan dengan konteks membolehkan mereka dapat memahami maklumat yang hendak disampaikan dengan baik. Hal ini bermaksud mereka tidak memerlukan usaha memproses maklumat yang tinggi. Kajian menunjukkan orang Melayu berkemampuan berfikir menyimpang daripada pola yang sama, berfikir di luar kerutinannya, melihat sesuatu daripada perspektif baru, luwes dengan idea baru serta sanggup mencabar andaian dan konsep lama (Mohd.Azhar Abdul Hamid, 2006).). Kebolehan menggunakan komunikasi berimplikatur ini seharusnya dikekalkan agar seni berbahasa ini dapat dikekalkan hingga generasi-generasi akan datang. Kebolehan menggunakan komunikasi berimplikatur ini tidak akan menyebabkan masyarakat Melayu mundur sebaliknya warisan seni berbahasa ini akan dapat dikekalkan.

### Rujukan

- Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad. 2005. *Panduan Pengucapan Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adrian Akmajian, Richards A. Demers, Ann K. Farmer, Robert M. Harnish, 2010. *Linguistics: An Introduction to Language and Communication*. MIT Press
- Ahmad Mahmood Musanif 2007. *Kesopanan dalam Perbualan Mengikut Budaya Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur
- Ahmad Sarji. 2004. *Hang Tuah Tokoh Epik Nasional*. subang Jaya: Pelanduk Publications
- Awang Sariyan.2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Geoffrey Leech.1993. *Prinsip Pragmatik*. Terjemahan Azhar M. Simin.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Fauzy Yaacob. 2001. *Komunikasi Antara Manusia*, 2001Skudai: Penerbit UTM
- Husin Saif, 2009. *Keimplisitan Ujaran dalam Hikayat Hang Tuah dari Sudut Pragmatik*. Tesis PHD, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Azhar bin Abd Hamid, 2006. *Beberapa Aspek Tamadun Melayu, India, Cina dan Jepun*: Skudai Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustafa Atan 2010. *Implikatur dalam Ujaran Watak dalam Filem P.Ramlee*. Tesis PHD, Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2006. *Citra Lelaki Dulu dan Kini: Analisis Teori Relevans*,Jurnal e-Bangi, FSSK, Jil.1 (1)
- Noriah Taslim 2010. *Lisan dan Tulisan: Teks dan Budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Pearson J.C dan Nelson P.E ( 2000) *An Introduction of Human Communication Understanding and Sharing*. Amerika Syarikat : McGraw Hill
- Robert Sibarani 2003. *Semantik Bahasa Batak Toba*. Medan:
- Ronald R Jacobsen. 2010. The Interpretation of indirect Speech Acts In Relevance Theory. *The Journal of Linguistik and Intercultural Education*. Vol 3 pg 7,19 pgs.
- Zawiyah Mohammad Yusof, 2009. *Kemahiran Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan BahasaDan Pustaka